



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.7/2026
PADA 27 JULAI 2026 (ISNIN) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam
Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Tn. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
 - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
 - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;

- IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
- VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
- VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
- VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
- IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
- X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
- XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;

Syukur Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat juga Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban Bil.7/2026 dapat diadakan dan dihadiri oleh Ahli Mesyuarat bersama-sama dengan pemerhati.

- 3. Untuk makluman Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, mesyuarat yang diadakan hari ini disiarkan secara langsung menerusi laman sosial *Facebook* rasmi Majlis Bandaraya Seremban.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pagi ini saya mulakan ucapan saya dengan 4 perkara penting dalam memacu kecemerlangan MBS iaitu P,K,D,S:
 - (i) P- Pintar : Bekerja dengan lebih pintar, bukan hanya bekerja lebih keras;
 - (ii) K- Kesan : Mengutamakan keberkesanan berbanding hanya melaksanakan prosedur;
 - (iii) D- Data : Menggunakan data sebagai asas membuat keputusan;
 - (iv) S- Sumber : Mengoptimumkan sumber demi manfaat rakyat.
5. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban atas komitmen, dedikasi dan kesungguhan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan bandaraya kepada masyarakat terus berada pada tahap yang terbaik.
6. Dalam menghadapi cabaran pembangunan bandar yang semakin kompleks, peningkatan jangkaan masyarakat serta perubahan landskap pentadbiran masa kini, aspek pengoptimuman sumber organisasi menjadi satu perkara yang amat penting dan perlu diberikan perhatian serius.

7. Pengoptimuman sumber bukan hanya **bermaksud menambah jumlah sumber, tetapi bagaimana kita menggunakan sumber yang sedia ada secara lebih bijak, strategik dan berimpak tinggi bagi mencapai matlamat organisasi.**
8. Sebagai sebuah bandaraya yang sedang berkembang pesat, Majlis Bandaraya Seremban perlu memastikan setiap sumber yang dimiliki sama ada sumber manusia, kewangan, aset, teknologi dan maklumat diuruskan secara cekap serta memberikan nilai terbaik kepada rakyat.

Hadirin yang saya hormati,

9. Sumber manusia merupakan aset paling utama dalam sesebuah organisasi. Kejayaan Majlis Bandaraya Seremban tidak hanya bergantung kepada sistem dan teknologi, tetapi bergantung kepada warga kerja yang kompeten, berintegriti dan mempunyai semangat kerja berpasukan.
10. Justeru, kita perlu memastikan penempatan anggota adalah berdasarkan keperluan sebenar, kepakaran dan beban tugas sesuatu jabatan. Analisis beban kerja perlu dilaksanakan supaya pengagihan tugas dapat dilakukan secara lebih seimbang dan berkesan. Saya mohon untuk Jabatan Khidmat Pengurusan melaksanakan Analisa Beban Kerja setiap penjawatan yang ada di MBS agar tiada pembaziran tenaga kerja yang merugikan majlis. Saya yakin pastinya ada jawatan-jawatan yang tidak mempunyai

beban kerja yang sepatutnya dan tenaga kerja ini boleh diagihkan kepada jabatan yang memerlukan segera.

Hadirin sekalian,

11. Dari aspek kewangan, kita perlu mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemah dan berimpak. Setiap peruntukan yang dibelanjakan mestilah memberikan manfaat maksimum kepada masyarakat. Kita perlu mengutamakan program, projek dan inisiatif yang memberi impak tinggi kepada rakyat, meningkatkan kualiti perkhidmatan serta menyokong aspirasi menjadikan Seremban sebagai sebuah bandaraya yang pintar, mampan dan berdaya saing.
12. Selain itu, pengurusan aset Majlis juga perlu diberikan perhatian. Kenderaan operasi, peralatan teknikal, kemudahan awam dan infrastruktur dalaman perlu diuruskan secara sistematik melalui penyelenggaraan berkala dan pemantauan penggunaan supaya aset sentiasa berada dalam keadaan optimum. Saya juga dapati terdapat lebih kenderaan di jabatan-jabatan tertentu yang tidak digunakan sepenuhnya. Nisbah pemandu kurang daripada kenderaan yang terdapat di jabatan tersebut. Sehubungan itu, saya mengarahkan Jabatan Kejuruteraan membuat penilaian semula berkaitan penempatan kenderaan ini agar selari dengan *nature of work* jabatan – jabatan dan sekali gus mengoptimumkan penggunaan kenderaan di MBS.

13. Dalam pada itu, pihak Unit Audit dan Jabatan Kejuruteraan juga perlu melaksanakan pengauditan berkaitan *Beyond Economic Repair* (BER) terhadap kenderaan Majlis dalam memastikan MBS mendapat pulangan nilai di dalam setiap pembelian kenderaan. Kenderaan-kenderaan yang tidak ekonomik perlulah diambil tindakan pelupusan dengan segera.

Warga kerja yang saya kasihi,

14. Pengoptimuman sumber juga memerlukan perubahan dalam budaya kerja. Kita perlu bergerak daripada pendekatan bekerja secara rutin kepada pendekatan yang lebih strategik, berasaskan data dan berorientasikan hasil. Setiap jabatan perlu memahami bahawa sumber yang kita uruskan adalah amanah rakyat. Oleh itu, setiap tindakan, keputusan dan perancangan hendaklah mengambil kira impak kepada masyarakat serta keberkesanan penggunaan sumber organisasi.
15. Saya menyeru agar semua warga Majlis Bandaraya Seremban terus mengamalkan budaya:
 - (i) Bekerja dengan lebih pintar, bukan hanya bekerja lebih keras;
 - (ii) Mengutamakan keberkesanan berbanding hanya melaksanakan prosedur;
 - (iii) Menggunakan data sebagai asas membuat keputusan;
 - (iv) Mengoptimumkan sumber demi manfaat rakyat.

Hadirin yang saya hormati,

16. Dalam menjayakan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban 2026-2030, pengurusan sumber yang cekap merupakan salah satu faktor utama yang akan menentukan kejayaan kita. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memperkukuhkan budaya kecemerlangan dalam organisasi, meningkatkan produktiviti dan memastikan Majlis Bandaraya Seremban terus menjadi sebuah organisasi yang cekap, responsif serta diyakini oleh masyarakat.

Hadirin yang saya hormati,

17. Pembangunan sesebuah bandar pada hari ini tidak lagi hanya diukur melalui pembinaan jalan raya, bangunan atau infrastruktur yang moden. Sebaliknya, kejayaan sesebuah bandar bergantung kepada sejauh mana masyarakat dilibatkan dalam proses merancang, melaksanakan dan menilai pembangunan tersebut.
18. Oleh itu, ingin saya tekankan berkaitan kepentingan *Community Engagement atau penglibatan komuniti* di dalam pelaksanaan pembangunan dan dasar – dasar bandaraya. Apabila masyarakat diberi ruang untuk menyuarakan pandangan, berkongsi idea dan bersama-sama mencari penyelesaian, setiap projek yang dilaksanakan akan lebih memenuhi keperluan sebenar penduduk. Baru – baru ini saya telah menghadiri satu Sesi Libat Urus bersama penduduk Seremban 2 berhubung Pembangunan Padang Sintetik di Garden City Home, S2. Saya dimaklumkan telah diadakan sesi libat

urus dengan penduduk, namun apa saya dapati sesi libat urus itu tidak dilaksanakan dengan teratur dan menyebabkan projek tersebut mendapat bantahan daripada penduduk. Oleh itu, saya telah membuat penerangan yang jelas kepada penduduk dan akhirnya penduduk bersetuju dengan pelaksanaan projek ini.

19. Dalam pada itu, kita boleh melihat kejayaan pendekatan ini di beberapa bandar utama dunia :

(i) **Di Seoul, Korea Selatan**, kerajaan bandar telah melibatkan ribuan rakyat dalam penyediaan Seoul Plan 2030 melalui sesi dialog, forum awam dan platform digital. Hasilnya, pelan pembangunan bandar tersebut bukan sahaja mendapat sokongan masyarakat, malah berjaya meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran bandar.

(ii) **Di Barcelona, Sepanyol, projek Superblocks** pula dilaksanakan selepas proses libat urus yang menyeluruh bersama komuniti setempat. Penduduk diberikan peluang untuk berkongsi pandangan mengenai reka bentuk ruang awam, laluan pejalan kaki dan kawasan hijau. Hasilnya, bandar menjadi lebih mesra rakyat, lebih selamat dan lebih berkualiti untuk didiami.

(iii) **Begitu juga di Curitiba, Brazil**, penglibatan komuniti dalam perancangan pengangkutan awam, pengurusan sisa pepejal dan pembangunan ruang hijau telah menjadikan bandar tersebut antara contoh terbaik pembangunan bandar mampan di dunia.

20. Daripada cerita kejayaan di atas , maka wajarlah kita memberi penekanan kepada pendekatan Libat Urus Komuniti. Sehubungan itu, saya meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan untuk menyediakan satu Garis Panduan berhubung dengan *MBS COMMUNITY ENGAGEMENT FRAMEWORK*. *Framework* ini perlu menggariskan 4 perkara penting seperti *Dengar, Bina Sama, Kerjasama dan Ukur*. Melalui 4 perkara penting ini ia meningkatkan kepercayaan warga bandaraya terhadap MBS dan selari dengan moto kita iaitu Mampan, Bersih dan Sejahtera. Apabila kerajaan dan masyarakat bergerak seiring, kita bukan sahaja mampu membina sebuah bandar yang moden, malah sebuah bandar yang lebih inklusif, mampan dan menjadi kebanggaan semua.
21. Marilah kita bersama-sama menjadikan Seremban sebuah bandar yang dibangunkan bukan hanya untuk rakyat, tetapi bersama rakyat.

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

22. Sehingga **22 Julai 2026**, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2026 (RM147.68Juta) Prestasi =
RM104.24Juta (59.99%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggal (RM28.97Juta)

Prestasi = RM12.5Juta (12.94%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM167Juta)

Prestasi = RM105.75Juta (63.33%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM257.5Juta)

Prestasi = RM161.29Juta (62.64%)

(e) Belanja Mengurus (RM256.80Juta)

Prestasi = RM137.92Juta (53.71%)

(f) Belanja Pembangunan (RM13.70Juta)

Prestasi = RM7.52Juta (54.90%)

Perbandingan bagi tahun 2025 pula, sehingga **24 Julai 2025** :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2025 (RM142.41Juta) Prestasi =
RM99.96Juta (59.66%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28Juta) Prestasi
= RM13.95Juta (14.94%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM161Juta)
Prestasi = RM105.37Juta (65.45%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM246.5Juta)
Prestasi = RM160.64Juta (65.17%)

(e) Belanja Mengurus (RM247.61Juta)
Prestasi = RM113.25Juta (45.74%)

(f) Belanja Pembangunan (RM13.69Juta)
Prestasi = RM4.23Juta (30.93%)

Sumber : Jabatan Kewangan

KUTIPAN OPERASI DARI PINTU KE PINTU

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

23. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha meningkatkan dari semasa ke semasa bagi mutu perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban terutamanya dalam urusan pembayaran Cukai Taksiran. Majlis menggalakkan warga bandar raya Seremban menggunakan aplikasi atas talian ataupun *Online* dalam setiap transaksi bagi memudahkan pembayaran tanpa perlu hadir ke kaunter Majlis Bandaraya Seremban. Walaupun begitu, Majlis Bandaraya Seremban tetap memahami kekangan warga bandar raya Seremban terutamanya bagi golongan berusia dan mempunyai masalah talian internet di luar capaian.
24. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kutipan operasi dari pintu ke pintu. Sepanjang bulan Jun 2026, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi kutipan di Taman Laman Sendayan, Taman Bukit Sendayan, Taman Bukit Galena, Taman College Heights dan Taman Rasah Kemayan. Sebanyak 4,254 bilangan akaun telah disasarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM5,568,999.81 namun hanya 45 bilangan akaun kutipan dengan jumlah sebanyak RM28,286.00

25. Selain daripada itu, Majlis juga telah mengadakan lawatan ke premis di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sepanjang bulan Jun 2026. Antaranya lawatan ke Forest Heights, Medan Perdagangan Kepayang, Taman Bukit Kepayang dan Taman Marida Senawang. Sebanyak 9 bilangan akaun disasarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM47,641.25 namun tiada sebarang kutipan berjaya diperolehi.
26. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Kewangan juga telah membuka kaunter bergerak pembayaran Cukai Taksiran dan kompaun bagi Program Mesra Rakyat Agensi Kerajaan – Parlimen Seremban anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Seremban pada 28 Jun 2026. Sebanyak 80 bilangan akaun kutipan telah berjaya diperolehi dengan jumlah kutipan sebanyak RM13,113.50

Sumber : Jabatan Kewangan

BENGKEL KAJIAN KEPERLUAN BISNES (BRS) BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN SOKONGAN DAN ADUAN ICT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

27. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah mengadakan Bengkel Kajian Keperluan Bisnes (BRS) bagi Pembangunan Sistem Pengurusan Sokongan dan Aduan ICT pada 17 hingga 19 Jun 2026 di Hotel Melia, Kuala Lumpur. Seramai 20 orang pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban terdiri daripada Ahli Jawatankuasa teknikal projek telah menyertai bengkel yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan serta maklum balas untuk menentukan hala tuju pembangunan sistem, meneliti proses kerja semasa dan mengenal pasti keperluan fungsian sistem yang akan dibangunkan. Selain itu, bengkel ini juga turut membincangkan fungsi-fungsi sistem yang diperlukan bagi memastikan pengurusan aduan berkaitan perkhidmatan ICT seperti sistem, perkakasan, perisian, rangkaian dan kemudahan ICT dapat dilaksanakan secara lebih teratur, sistematik dan berkesan.

Sumber : Jab. Teknologi Maklumat & Komunikasi

**SESI LIBAT URUS DAN PEMBENTANGAN PENAMBAHBAIKAN
TATAKELOLA PENGURUSAN PENYEWAAN PROJEK
PERUMAHAN RAKYAT (PPR) BERSAMA SURUHANJAYA
PENCEGAHAN RASUAN MALAYSIA (SPRM)**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

28. Pada 10 Julai 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Sesi Libat Urus dan Pembentangan Penambahbaikan Tatakelola Pengurusan Penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Zaki bin Hassan, Pengarah Bahagian Penyiasatan Tatakelola. Sesi ini memberi peluang kepada MBS untuk menilai semula amalan sedia ada dan memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan penyewaan PPR.
29. Sehingga kini, MBS telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kutipan sewa dan mengurangkan tunggakan, termasuk sesi libat urus bersama penyewa, kerjasama dengan agensi kebajikan, kaunter kutipan bergerak, kemudahan bayaran dan semakan tunggakan secara dalam talian, panggilan telefon, pesanan khidmat ringkas (SMS), surat peringatan serta pemantauan berterusan oleh Ahli Majlis dan pegawai MBS.

30. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, tunggakan sewa PPR masih melebihi RM3.19 juta. Pengalaman MBS terdahulu menunjukkan cabaran utama bukan lagi berkaitan sistem kutipan tetapi tahap pematuhan sebahagian penyewaan terhadap tanggungjawab membayar sewa. Perlu diingatkan bahawa, kadar sewa RM150.00 sebulan merupakan satu bentuk bantuan sosial yang disediakan oleh Kerajaan dan MBS kepada golongan yang layak. Justeru, setiap penyewa hendaklah menghargai kemudahan tersebut dengan mematuhi syarat perjanjian dan menjelaskan bayaran sewa mengikut tempoh yang ditetapkan.
31. Tunggakan yang berlarutan telah menjejaskan hasil Majlis dan menambah kos penyelenggaraan dan pembaikan unit, termasuk kerosakan yang mencecah antara RM10,000.00 hingga RM25,000.00 bagi setiap unit yang ditinggalkan. MBS sentiasa mengutamakan pendekatan rundingan dan kebajikan kepada penyewa yang benar-benar menghadapi kesukaran. Namun begitu, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap penyewa yang terus ingkar mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

32. Dalam sesi tersebut, pihak SPRM turut mengemukakan beberapa syor penambahbaikan yang akan dilaksanakan secara berperingkat oleh MBS. Pada masa yang sama, MBS berharap syor tersebut dapat dipertimbangkan oleh kementerian dan agensi berkaitan bagi memperkukuhkan dasar serta kerangka perundangan pengurusan penyewaan perumahan awam. Semoga usaha ini terus memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan kualiti penyampaian perkhidmatan MBS demi kesejahteraan seluruh warga Bandaraya Seremban.

Sumber : Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

33. Bermula 1 Januari 2026 sehingga 30 Jun 2026, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 17,161 premis ;
 - ii. ULV 29,068 premis ;
 - iii. *larvaciding* 222 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 222 lokaliti ;
 - v. gotong – royong 62 lokasi

34. Dalam pada itu, sepanjang bulan Jun 2026, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah merekodkan sebanyak 35 kematian jenazah warganegara dan 2 jenazah bukan warganegara. Manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 15 pengebumian jenazah warganegara dan 1 jenazah bukan warganegara. Bagi Tanah Kristian Sendayan pula merekodkan sebanyak 5 pengebumian warganegara.
35. Untuk kutipan barang-barang kitar semula di Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Wisma MBS sebanyak 5,110 kilogram barangan plastik, 20,964.5 kilogram barangan kertas, 1,207 kilogram barangan besi, 94.5 kilogram barangan aluminium, 1,070 kilogram barangan kaca dan 938.5 kilogram barangan e-Waste yang dapat dikumpulkan bagi tempoh 1 Jun 2026 sehingga 30 Jun 2026.
36. Bagi kutipan barang-barang kitar semula di Pusat Pandu Lalu KITAREcycle Cawangan Nilai yang telah dirasmikan pembukaannya pada 12 Jun yang lalu, sebanyak 113 kilogram barangan plastik, 2,039 kilogram barangan kertas, 32 kilogram barangan besi, 1 kilogram barangan aluminium, 33 kilogram barangan kaca, 37 kilogram barangan e-Waste dan 1 kilogram barangan lain yang dapat dikumpulkan sehingga 30 Jun 2026. Jumlah kutipan barang-barang kitar semula di kedua-dua lokasi bagi bulan Jun 2026 adalah sebanyak 31,640.5 kilogram.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutaran

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG &
PENGUATKUASAAN**

37. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang- Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun pada 1 Januari 2026 sehingga 16 Julai 2026. Laporan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti dipaparan :-

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 1/1/2026 SEHINGGA 16/7/2026	
BILANGAN KOMPAUN	313,463
AMAUN KOMPAUN TERKINI	RM18,005.740.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	121,580	38.7%
AMAUN KOMPAUN BERBAYAR	RM2,202,148.08	12.2%

Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka pada 1 Januari 2026 sehingga 30 Jun 2026 adalah sebanyak **2,517** kertas siasatan.

38. Ringkasan pengeluaran kompaun mengikut Akta berdasarkan tarikh 1 Januari 2026 sehingga 16 Julai 2026 adalah seperti dipaparan :-

Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

BENGKEL PEMANTAPAN DOKUMEN KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) SERTA ANUGERAH INOVASI NEGERI SEMBILAN (AIN9) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN 2026 SIRI 2

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

39. Jabatan Pengurusan Kualiti dan Strategik telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Dokumen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) serta Anugerah Inovasi Negeri Sembilan (AIN9) Majlis Bandaraya Seremban 2026 Siri 2 pada 18 hingga 19 Jun 2026 di Lexis Port Dickson. Bengkel ini telah disertai oleh peserta pertandingan yang mewakili dua kumpulan iaitu Urbanist Titans dan Asranova.
40. Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memperkukuh persediaan dan memantapkan dokumentasi kedua-dua kumpulan sebagai persiapan menghadapi Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Negeri Sembilan 2026 yang akan berlangsung pada 21 dan 23 Julai 2026 serta Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Sembilan (AIN9) 2026 pada 27 Julai 2026. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar semua peserta yang mewakili Majlis Bandaraya Seremban diberikan kejayaan, kecemerlangan dan dipermudahkan urusan dalam mengharumkan nama organisasi pada pertandingan yang bakal berlangsung.

Sumber : Jab. Pengurusan Kualiti & Strategik

PROGRAM SEPETANG DI TAMAN ORKID BERSAMA YANG DIPERTUA BAKRIYAH NEGERI SEMBILAN

41. Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah berbesar hati menerima kunjungan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Hajah Wan Hasni binti Wan Yusof, Yang Dipertua BAKRIYAH Negeri Sembilan, sempena Program Sepetang di Taman Orkid yang berlangsung di Taman Orkid, Seremban pada 21 Julai 2026. Program ini menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama strategik antara MBS, BAKRIYAH Negeri Sembilan dan PUSPANITA Negeri Sembilan, di samping memupuk kecintaan terhadap flora, landskap serta pemeliharaan biodiversiti.
42. Dalam ucapan YBhg. Dato' Ir.Ts. Haji Masri bin Baharuddin Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban (MBS), beliau menegaskan komitmen MBS untuk terus memperluaskan kawasan hijau, memperindahkan landskap bandar serta menjadikan Seremban sebuah bandar raya yang hijau, bersih, mampan dan berdaya huni. Turut hadir semasa program ini diadakan ialah YBhg. Datin Suriani binti Yahya Pengerusi PUSPANITA N.Sembilan, Tn.Ir.Ts.Br.Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha MBS, barisan jawatankuasa BAKRIYAH N.Sembilan & ahli jawatankuasa PUSPANITA N.Sembilan serta Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS.

43. Semoga program ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara alam sekitar serta memperkukuhkan semangat kebersamaan demi kesejahteraan warga Bandaraya Seremban. Saya berharap lebih banyak penambahbaikan dapat dilakukan untuk mencantikkan dan menarik lebih ramai pelancong datang ke bandar raya Seremban.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) NEGERI SEMBILAN KE-16 BAGI KAWASAN DI BAWAH SELIAAN P.128 PARLIMEN SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

44. Menjelang beberapa hari saja lagi Negeri Sembilan akan Wisma MBS telah menjadi lokasi Hari Penamaan Calon Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Ke-16 bagi kawasan P.128 Parlimen Seremban yang melibatkan N.09 Lenggeng, N.10 Nilai, N.11 Lobak, N.12 Temiang, N.13 Sikamat dan N.14 Ampangan. Saya selaku Pegawai Pengurus Pilihan Raya, telah menyempurnakan urusan penamaan calon bagi keenam-enam kawasan DUN tersebut dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Pengurus, pegawai-pegawai MBS, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekali gus memastikan keseluruhan proses berlangsung dengan lancar, teratur dan mengikut tatacara yang ditetapkan pada 18 Julai 2026 yang lalu.

45. Sepanjang proses penamaan calon berlangsung, setiap calon hadir bersama pencadang dan penyokong masing-masing bagi mengemukakan kertas penamaan calon dalam suasana yang aman, tertib serta mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Tahniah diucapkan kepada semua calon yang bertanding. Semoga Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Ke-16 berlangsung dengan aman, telus dan penuh semangat demokrasi.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK BERSAMA PEJABAT MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

46. Pada 15 Julai 2026 yang lalu saya telah menyertai Perlawanan Persahabatan Bola Sepak bersama Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan yang berlangsung di Arena MBS, Taman Pinggiran Senawang. Program ini menjadi *platform* mengeratkan hubungan silaturahim serta menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan peserta yang hadir.

47. Turut hadir ialah Tuan Ir.Ts.Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha MBS, TPr. Haji Nazri bin A.Ghani Pengarah Perancangan Pembangunan MBS, En. Saiful Azuar bin Haji Ahmad Jadi Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan MBS, LAr. Haji Nasiruddin bin Ab Rahman Pengarah Taman & Landskap MBS, En. Hanizam bin Ahmad Pengarah Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS, En. Nuh Nurul Mushawwir bin Abdul Aziz Ketua Jurutera MBS dan En. Shamaruddin bin Saidin Ketua Unit Perhubungan Korporat MBS turut hadir bersama-sama bagi menyertai perlawanan ini.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

MAJLIS PERASMIAN KEMPEN PASAR AWAM BERSIH 2026

48. Pada 14 Julai 2026, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah mengadakan Majlis Perasmian Kempen Pasar Awam Bersih 2026 di Pasar Awam Ampangan yang telah disempurnakan oleh En.Abdul Malek bin Adam, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban yang telah mewakili saya. Kempen ini merupakan inisiatif di bawah Program Kesihatan Persekitaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi memperkukuh amalan kebersihan, keselamatan dan pengurusan pasar awam ke arah mencapai *standard* kebersihan yang cemerlang.

49. Turut hadir semasa majlis ini diadakan ialah Ahli-Ahli Majlis MBS, En.Muhammad Shahidan bin Rahim Timbalan Pengarah Kesihatan Persekutaran MBS dan Pegawai-pegawai MBS. MBS komited untuk terus memperkasa kerjasama strategik bersama agensi berkaitan, pengurusan pasar dan para peniaga dalam memastikan persekitaran pasar awam sentiasa bersih, selamat, kondusif serta memberi keselesaan kepada masyarakat. Semoga usaha berterusan ini dapat membudayakan amalan kebersihan demi merealisasikan aspirasi "Pasar Awam Bersih, Komuniti Sihat, Bandar Raya Sejahtera."

Sumber : Jab. Kesihatan Persekutaran

DATUK BANDAR TURUN BAGI SESI LIBAT URUS BERSAMA PENDUDUK SEREMBAN 2 BERHUBUNG PEMBANGUNAN PADANG SINTETIK

50. Pada 12 Julai 2026, saya telah mengadakan lawatan turun padang untuk menyantuni penduduk dan mendengar keluhan penduduk Seremban 2 berhubung pembangunan padang sintetik di sini bagi mewujudkan persefahaman di antara MBS, operator dan komuniti sekitar. Pembangunan padang sintetik ini bertepatan dengan pembangunan Bandaraya yang turut melihat pembangunan sukan sebagai satu medium kesejahteraan Bandar dan perpaduan antara semua. Pada peringkat permulaan mungkin ada beberapa isu setempat yang kita perlu tangani secara berhemah agar mewujudkan prinsip menang - menang antara dua pihak.

51. Namun, MBS sentiasa komited dalam mendengar keluhanan penduduk dan sentiasa terbuka mendengar dan mencari penyelesaian terbaik. Dalam pembangunan padang ini kita perlu melihat '*big picture*' kerana padang ini bakal melahirkan pemain-pemain lagenda negara seperti Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Soh Chin Ann dan ramai lagi. Hadir sama semasa lawatan tersebut diadakan ialah YB Puan Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan NS merangkap Mantan ADUN Bukit Kepayang, Tn.Hj Mohd Lotffee bin Abdullah, Pengarah Pembangunan Usahawan & Pelesenan MBS, En. Hanizam bin Ahmad, Pengarah Undang-Undang dan Penguatkuasaan MBS, En.Shamaruddin bin Saidin, Ketua Perhubungan Korporat MBS dan barisan pegawai MBS.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN SOLO A.N.T.A.R.A SAUDARA NORLISHAM SELAMAT

52. Pada 11 Julai 2026, saya telah merasmikan Pameran Solo A.N.T.A.R.A oleh Saudara Norlisham bin Selamat di Galeri Negeri Sembilan Modern Art (NeMA), Bandar Sri Sendayan. Tahniah diucapkan kepada Saudara Norlisham bin Selamat atas dedikasi dan kreativiti dalam menghasilkan karya seni yang mencerminkan perjalanan serta identiti seorang seniman. Penghargaan dan tahniah turut diberikan kepada pihak NeMA, Tuan Noor Hijat bin Mohd Noor, Pengasas NeMA dan Tuan Is. Badrul Kahar Mohd Yusof, Pengurusan NeMA atas kejayaan menganjurkan pameran yang memperkayakan

landskap seni visual Negeri Sembilan.

53. Semoga pameran ini terus menyemarakkan budaya apresiasi seni serta mengangkat Seremban sebagai bandar yang kaya dengan nilai seni dan budaya.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

SESI LIBAT URUS DAN PEMBENTANGAN PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA PENGURUSAN PENYEWAAN PPR BERSAMA SPRM

54. Pada 10 Julai 2026 yang lalu saya telah menerima kunjungan daripada delegasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Zaki bin Hassan, Pengarah Bahagian Penyiasatan Tatakelola SPRM bagi sesi libat urus dan pembentangan penambahbaikan tatakelola pengurusan penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR). Sesi ini bertujuan membincangkan cadangan penambahbaikan amalan, sistem dan tatacara kerja pengurusan penyewaan PPR, khususnya melibatkan aspek pemantauan, penguatkuasaan serta kutipan bayaran sewa agar dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan berkesan.

55. Saya meminta supaya MBS terus komited untuk memperkukuh tadbir urus, integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan perumahan awam melalui pelbagai inisiatif yang mampu meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan serta memastikan kebajikan golongan yang benar-benar memerlukan sentiasa diberi perhatian. MBS merakamkan penghargaan kepada pihak SPRM atas kerjasama, pandangan dan syor yang dikemukakan. Segala cadangan yang dibentangkan akan diteliti dan dijadikan panduan dalam usaha penambahbaikan berterusan ke arah memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berintegriti, cekap dan berorientasikan kepentingan rakyat.

Sumber : Jab. Penilaian & Pengurusan Harta

TURUN TINJAU KERJA-KERJA NAIKTARAF LANDSKAP (LUKISAN MURAL) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI FLYOVER LINGKARAN TENGAH SEREMBAN

56. Majlis Bandaraya Seremban (MBS) terus mempergiatkan usaha mengindahkan Bandaraya Seremban. Oleh itu, satu projek pengindahan sedang dilaksanakan melibatkan kerja-kerja menaik taraf dan menceriakan ruang bawah jejambat di Jalan Sungai Ujong. Projek ini merupakan satu mercu tanda bandar melalui pemasangan mural bertemakan warisan, budaya dan identiti Negeri Sembilan. Projek turut merangkumi penambahbaikan landskap bagi mewujudkan persekitaran yang lebih menarik, selamat dan mesra pengguna pada waktu siang dan malam. Saya dan Tn.Ir.Ts.Br. Mohd Kamal bin Mohd

Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban sempat turun meninjau pelaksanaan projek yang sedang dilaksanakan kini pada 6 Julai 2026.

57. Projek ini merangkumi penyediaan dan pengecatan mural pada struktur jejambat termasuk tiang, rasuk dan permukaan berkaitan. Kerja-kerja landskap lembut kejur seperti penanaman rumput dan kemas *hardscape* di kawasan bawah jejambat turut dilaksanakan bagi mengindahkan lagi lokasi ini.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

SANTUNI PARA PENIAGA TAMAN SEREMBAN JAYA

58. Majlis Bandaraya Seremban (MBS) komited di dalam usaha memperkasakan peniaga-peniaga kecil di Seremban. Sehubungan itu, satu perjumpaan bersama peniaga telah diadakan pada 6 Julai 2026 di Kompleks Pasar Awam Taman Seremban Jaya. Di dalam perjumpaan ini beberapa perkara dibincangkan seperti penempatan semula penjaja kecil dan pemberian lesen kepada peniaga yang mematuhi syarat ditetapkan oleh MBS. Saya juga sempat melawat sekitar pasar berkenaan dan beberapa kerja - kerja penambahbaikan perlu dilaksanakan segera.

59. Pn. Jamilah binti Said Ali, Ahli Majlis MBS dan Tn. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha MBS bersama-sama dengan Tn. Hj. Mohd Lotffee bin Haji Abdullah, Pengarah Pelesenan dan Pembangunan Usahawan MBS, Tn. Hanizam bin Ahmad, Pengarah Undang-Undang dan Penguatkuasaan MBS, dan En. Shamaruddin bin Saidin, Ketua Perhubungan Korporat MBS serta pegawai - pegawai MBS turut hadir semasa lawatan diadakan.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

TURUN TINJAU PROJEK PEMBINAAN JALAN ALTERNATIF DI SENAWANG

60. Pada 1 Julai 2026 saya bersama-sama dengan Tn Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, telah mengadakan lawatan ke tapak projek pembinaan jalan baharu yang dilaksanakan oleh pihak pemaju SPD Tech Valley bagi meninjau persediaan pelaksanaan projek tersebut. Projek pembinaan jalan sepanjang 800 meter itu pada bermula dan disasarkan siap sepenuhnya pada akhir bulan Ogos 2026.
61. Jalan baharu ini akan menghubungkan Taman Bandar Senawang dengan Taman Sena Park, sebelum disambungkan kepada jalan yang sedang dibina oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dijangka siap pada bulan September 2026. Keseluruhan jaringan jalan ini bakal menyediakan laluan alternatif yang lebih lancar kepada penduduk di sekitar Senawang dan kawasan berhampiran untuk menuju ke pusat bandar serta kawasan-kawasan utama di Senawang.

62. Semasa lawatan tersebut, saya turut diberikan taklimat oleh wakil pemaju mengenai skop projek, jadual pelaksanaan serta perancangan pembinaan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pembinaan jalan alternatif ini dijangka memberi impak positif kepada penduduk melalui peningkatan tahap perhubungan, pengurangan kesesakan lalu lintas di laluan sedia ada serta mewujudkan rangkaian jalan yang lebih efisien bagi menyokong pembangunan pesat di kawasan Senawang. Majlis Bandaraya Seremban akan terus memantau pelaksanaan projek ini secara berterusan bagi memastikan setiap fasa pembinaan berjalan lancar, menepati spesifikasi yang ditetapkan dan dapat memberi manfaat optimum kepada seluruh warga Seremban.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

ZIARAH KASIH KE ATAS KELUARGA ALLAHYARHAM MUHAMMAD NUR KHAIRUZZAMAN

63. Pada 2 Julai 2026, saya telah berkesempatan menziarahi keluarga Allahyarham Muhammad Nur Khairuzzaman di kediaman waris di Taman Sri Pagi, Senawang. Allahyarham merupakan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban yang bertugas di Jabatan Kejuruteraan dan Kejuruteraan (JKJ) Cawangan Nilai dan telah kembali ke rahmatullah pada awal bulan Jun yang lalu. Dalam ziarah tersebut, saya telah menyampaikan sumbangan dan menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham sebagai tanda keprihatinan dan sokongan warga MBS terhadap waris yang ditinggalkan.

64. Semoga Allah SWT mengurniakan kekuatan dan ketabahan kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham serta menempatkan roh Allahyarham dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2026 : Kesejahteraan Dinikmati

65. Tanggal 31 Ogos setiap tahun bukan sekadar satu tarikh dalam kalendar, tetapi satu lambang perjuangan, pengorbanan dan semangat patriotisme yang telah menyatukan rakyat Malaysia sejak 1957. Kita menghargai usaha pemimpin terdahulu dan pejuang kemerdekaan yang telah mengorbankan segalanya demi melihat tanah air bebas dari penjajahan.
66. Semasa ucapan YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 19 Julai 2026 bertempat di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah (ILKKM SAS), Tanjung Rambutan, Ipoh, Perak sempena Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2026 ada menyebut bahawa Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengasaskan semangat perpaduan melalui ungkapan “Bersekutu Bertambah Mutu” yang menjadi tunjang peyatuan rakyat dalam perjuangan kemerdekaan dan pembinaan negara.

67. Sehubungan dengan itu sebagai warga pentadbiran tempatan, kita juga memainkan peranan penting dalam memastikan semangat ini terus hidup melalui perkhidmatan yang cekap, tadbir urus yang telus, dan pendekatan yang menyantuni pelanggan khususnya pembayar cukai dan *shakeholder* Majlis Bandaraya Seremban.
68. Tema tahun ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam membina sebuah negara yang maju, inklusif dan harmoni agar kemakmuran dapat dirasakan oleh seluruh rakyat secara adil. Fokus utama tema ini adalah untuk memastikan bahawa kesejahteraan bukan sahaja dikecapi oleh golongan tertentu, tetapi oleh seluruh rakyat tanpa pengecualian.
69. Hasrat kita semua adalah untuk membangunkan sebuah negara yang bukan sahaja maju dan sejahtera, tetapi juga menghormati nilai-nilai kemanusiaan, kebersamaan, dan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Tema Malaysia MADANI ini bukan sekadar slogan tetapi ia adalah kerangka nilai yang harus kita hayati : *Keadilan, ihsan, hormat, kasih sayang, kebebasan dan kemampanan.*

70. Tahun ini tema Hari Kebangsaan memberi penekanan terhadap aspek **“Kesejahteraan Dinikmati”** iaitu bagaimana kerajaan, termasuk kita di MBS, menginginkan kesejahteraan warga bandar raya Seremban. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan di Seremban, tugas kita bukan hanya mengurus pembangunan fizikal tetapi memastikan setiap warga, tanpa mengira latar belakang, rasa dihargai dan diberikan ruang untuk hidup dengan lebih selesa serta selamat.
71. Oleh itu, saya meminta supaya seluruh warga bandar raya Seremban memasang dan mengibarkan bendera Malaysia terutamanya di premis-premis perniagaan dan bangunan Majlis Bandaraya Seremban sebagai tanda untuk menunjukkan rasa cinta dan taat setia kepada negara, serta untuk meraikan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Bendera juga melambangkan perpaduan dan kebanggaan rakyat Malaysia. Oleh itu, saya meminta Jabatan Pembangunan Usahawan dan Pelesenan MBS mengeluarkan surat peringatan kepada semua pengusaha premis di dalam kawasan Pentadbiran MBS supaya mengibarkan bendera di premis masing-masing. Saya juga meminta Jabatan dalaman MBS supaya mengibarkan bendera di seluruh premis milik MBS termasuk bangunan pejabat di Wisma MBS Forest Heights dan Pejabat Cawangan Nilai serta dewan-dewan milik MBS mengibarkan bendera.

72. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab. Bandar raya Seremban kini terus membangun sebagai sebuah bandar raya Seremban yang progresif, namun kita tidak boleh lupa bahawa kekuatan kita terletak pada semangat kerja berpasukan, saling hormat-menghormati dan kecekapan dalam menyantuni warga bandar raya.
73. Saya meminta supaya kita terus memperkukuh semangat patriotisme dan memperbaharui tekad kita untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang demi kemajuan Seremban dan kesejahteraan warganya. Semoga Hari Kebangsaan kali ini menjadi titik tolak kepada kita semua untuk menjadi ejen perpaduan dan kemakmuran di peringkat tempatan.

Sumber : Unit Perhubungan Korporat

PENUTUP

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

74. Tidak lama lagi, Negeri Sembilan akan melangkah ke satu lagi detik penting dalam perjalanan demokrasi negeri kita. Beberapa hari sahaja lagi, rakyat Negeri Sembilan akan menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara melalui pilihan raya. Saya menyeru kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan agar menggunakan hak yang diberikan dengan penuh kesedaran dan rasa tanggungjawab. Setiap undi yang diberikan membawa makna dan mencerminkan harapan kita terhadap masa depan negeri yang kita cintai.
75. Marilah kita menjalankan tanggungjawab ini dengan matang, amanah dan penuh rasa hormat. Berbeza pandangan adalah perkara biasa dalam sebuah masyarakat demokrasi, namun keharmonian, perpaduan dan semangat kekeluargaan hendaklah terus dipelihara. Kepada semua pengundi, pastikan kita membuat pilihan dengan bijak, mengambil tahu maklumat yang berkaitan, dan hadir menunaikan kewajipan pada hari pengundian. Jangan lepaskan peluang untuk memainkan peranan dalam menentukan hala tuju Negeri Sembilan. Semoga proses pilihan raya ini berjalan dengan lancar, aman dan penuh tertib. Bersama-sama kita menjaga nama baik Negeri Sembilan serta membina masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

**DATO' IR.TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
27 JULAI 2026**